

PEMANTAPAN DAN PENGUKUHAN PENGAJIAN FIQH SYAFI'I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI : SATU PENILAIAN, PEMERHATIAN TULUS DAN PENGALAMAN

Oleh:

*Rushdi Bin Ramli**

ABSTRACT

This article is intended to highlight the approach of "sullam al-ta'alum" and explain its importance in the context of studying fiqh at the higher learning institution. Attempts and efforts at strengthening the study of fiqh should be among the main focus of muslim scholars, especially lecturers at the universities. In this regard, from the early days of Islam, Many great ulama had laid great emphasis on the approach of the so-called "sullam al-ta'allum" in studying Islamic sciences. Through the approach of "sullam al-ta'alum" various selected great works on fiqh will be introduced to the students and will become the main reference sources throughout their study.

* Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Univerisiti Malaya.

KEAGUNGAN ILMU SYAR'IYAH DAN ILMU FIQH MENURUT ISLAM

Islam adalah agama yang berpaksikan kepada ilmu yang termaktub di dalam kitab al-Quran dan al-Sunnah. Segala khazanah ilmu yang dapat digali dan diistinbatkan daripada kedua-dua sumber utama tersebut diistilah sebagai ‘ulum syar‘iyah.

Melalui perkembangan masa yang berlaku, bermula dari saat Nabi Muhammad SAW dibangkitkan sebagai Rasul untuk sekalian umat manusia, amalan dan ilmu yang berasaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah mula berkembang, dipelajari, dikaji, diperhalusi dan disebarluaskan oleh para ilmuwan Islam yang terawal di kalangan para Sahabat Nabi SAW dan para Tabi‘in.

Sejarah membuktikan bahawa para ilmuwan Islam telah memberikan sumbangan dan komitmen yang terlalu besar di dalam penyebaran ilmu-ilmu Islam di mana di antara ilmu-ilmu Syariah yang mendapat perhatian yang tersangat besar di kalangan para ulama Islam adalah ilmu fiqh. Penyebaran ilmu-ilmu Syar‘i menjadi sebegini rancak dan, menurut pemerhatian penulis, boleh dianggap sebagai *sesuatu yang amat luar biasa* jika “kerancakan” ini dibandingkan dengan pertumbuhan dan perkembangan ilmu-ilmu lain di dunia ini.

Sesungguhnya hakikat yang berlaku ini bukanlah sesuatu yang pelik jika disedari bahawa Islam telah memberikan kedudukan yang teramat istimewa kepada nilai dan kedudukan apa yang diistilahkan sebagai *al-‘Ulum Syar‘iyah*. Sebagai misalan, di dalam menjelaskan hakikat ini, ulama tersohor Islam, Abū Zakariyā Yaḥyā bin Syaraf al-Nawāwī, di dalam karya tersohornya *Minhāj al-Tālibīn* menyatakan, “.....maka sesungguhnya memberikan tumpuan dan mencurahkan tenaga di dalam pencarian ilmu Syar‘i adalah di antara seutama-utama ketaatan [kepada Allah] dan seutama-utama apa yang dicurahkan kepadanya daripada detik-detik masa yang berharga [*nafā’is al-awqāt*].”¹

¹ Muḥammad al-Khaṭīb al-Syarbīnī (t.t.), *Mughnī al-Muhtaj ilā Ma‘rifatī Ma‘ānī Alfaẓ al-Minhāj*, j.1, (t.t.p.) hh. 99-100.

Sekilas Pandang Mengapa *Ulum Syar'iyyah* Menduduki Kedudukan Yang Teristimewa Di Dalam Islam, Yang Merentasi Kedudukan Ilmu-Ilmu Lain

Di dalam menjelaskan hakikat ini penulis ingin memetik keyataan *Hujjah al-Islam*, Muḥammad Abū Ḥamīd al-Ghazālī di dalam karya tersohornya *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, “....maka manusia tidak mungkin berupaya untuk sampai kepada Allah melainkan dengan [memahami dan mengamalkan] ilmu Syar'i, di mana seagung-agung perkara yang ingin dicapai oleh setiap anak Adam ialah kebahagiaan yang kekal abadi [di Akhirat], maka dalam konteks ini, seutama-utama perkara [afḍal al-asyyā'] ialah apa jua yang merupakan “wasilah dan jalan” yang boleh membawa kepada kebahagiaan abadi tersebut. [Dalam konteks ini] tidak ada sesiapa pun yang berupaya untuk mencapai kebahagiaan abadi tersebut [yang menjadi sasaran terbesar s'etiap manusia] melainkan dengan mengetahui ilmu ini [ilmu Syar'i] dan beramal dengannya.....”²

Kebijaksanaan Dan Ketelitian Para Fuqaha' Dalam Proses Penyusunan Ilmu Fiqh: Antara *al-Mabsūtāt* dan *al-Mukhtaṣarat*

Kebijaksanaan, ketelitian dan kehebatan para ulama lampau di dalam menghasilkan karya-karya fiqh adalah sesuatu yang teramat nyata lagi terserlah bagi sesiapa yang mengkaji, meneliti dan menyelidiki karya-karya fiqh yang ditinggalkan oleh mereka. Tidak dapat dinafikan bahawa segala pendekatan penyusunan yang dilakukan oleh para ulama tersebut bertujuan untuk mempermudahkan proses pengajian ilmu fiqh itu sendiri dan karya-karya fiqh tersebut, jika diperhalusi, sememangnya bertujuan untuk memenuhi keperluan pengajian ilmu fiqh dalam setiap peringkat pengajian, iaitu dari peringkat ter-asas [permulaan] sehingga ke peringkat yang tertinggi [pengkhususan].

Kerana itu kita mendapati, sebagaimana yang dinyatakan sendiri oleh ulama tersohor, al-Nawāwī, karya-karya fiqh secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu ka-

² Muḥammad Abū Ḥamīd al-Ghazālī (t.t.), *Iḥyā' 'Ulūmuddīn*, j. 1. (t.t.p), h. 21.

rya-karya yang bersifat *al-Mabsūtāt* dan karya-karya yang bersifat *al-Mukhtaṣarat*.³

Menurut penjelasan Muḥammad al-Khatib al-Syarbini, apa yang dimaksudkan dengan *al-Mabsūtāt* ialah ialah karya-karya fiqh yang “.....banyak *lafaz-lafaznya* [ungkapan-ungkapan ayatnya] dan terperinci maknanya...” manakala *al-Mukhtaṣarat* ialah karya-karya fiqh yang “....ringkas *lafaz-lafaznya* namun mendalam pengertiannya...”⁴.

Mengapa Pengkategorian Karya-Karya Fiqh Kepada *al-Mabsūtāt* dan *al-Mukhtaṣarat* Amat Penting Dalam Proses Pemantapan Keilmuan Fiqh Seseorang

Sebenarnya di dalam konteks pengajian ilmu fiqh, malah di dalam pengajian kesemua ilmu-ilmu Islam yang termasuk dalam kategori ‘Ulum Syar‘īyyah, kewujudan karya-karya yang bersifat *al-Mukhtaṣarat* dan *al-Mabsūtāt* tersebut mempunyai pengertian dan tujuan yang amat mendalam dalam konteks “pembinaan, pematangan dan pemantapan” keilmuan seseorang penuntut ilmu itu.

Jika diteliti secara jujur dan adil, kewujudan karya-karya tersebut, dari satu segi, menyerahkan hakikat bahawa pengajian ilmu fiqh sewajarnya ditempuhi melalui *suatu proses pengembangan dan peningkatan yang tersusun rapi*, yang mera’ikan pendekatan dan adab-adab disiplin ilmu tersebut sehingga memungkinkan seseorang itu mencapai tahap yang tertinggi di dalam bidang ilmu yang dipelajari.

Begitu juga dari satu segi yang lain, karya-karya yang bersifat *al-Mukhtaṣarat* tersebut, jika diteliti, bertujuan untuk menjelaskan *intisari* dan *intipati* yang terpenting [*isu-isu teras fiqh*] di dalam setiap bab dan permasalahan fiqh, yang wajib diketahui oleh setiap penuntut fiqh. Ini bermakna menelaah dan memahami karya *al-Mukhtaṣarat* bolehlah dianggap sebagai langkah permulaan [pintu masuk utama] yang perlu dilalui sebelum seseorang itu menerokai

³ Al-Syarbini (t.t.), *op.cit.*, h. 101.

⁴ *Ibid.*

ruang lingkup ilmu fiqh yang lebih mendalam dan terperinci, yang dapat dilihat di dalam karya-karya *al-Mabsūṭat*.

Apakah Pendekatan Terbaik Dalam Pemantapan Pengajian Fiqh Di Institusi Pengajian Tinggi?

Penulis amat bersetuju dan mendokong sepenuhnya pendekatan pengajian fiqh yang berasaskan kepada apa yang diistilahkan oleh para ulama dengan ungkapan “*sullam al-ta‘allum*”. Ungkapan ini bolehlah diterjemahkan secara umumnya sebagai “pendakian, secara berperingkat, tangga-tangga pengajian dan pembelajaran”⁵. Pada hakikatnya dan tiada sesiapa pun yang dapat menafikannya, proses pemantapan ilmu fiqh di kalangan para penuntut ilmu bukanlah suatu usaha yang boleh dicapai dalam masa yang singkat. Namun keterbatasan masa dan kesingkatan tempoh pengajian yang wujud di universiti pada hari ini [sekitar empat tahun] tidak sejawarnya mengenepikan sama sekali pendekatan *sullam al-ta‘allum* ini, yang merupakan metod pengajian fiqh ulama-ulama terbilang lagi tersohor yang lampau. Malah, jika diperhatikan, kewujudan karya-karya fiqh yang bersifat al-Mukhtaṣarat dan *al-Mabsūṭat* memperkuuhkan lagi kepentingan, keperluan dan kerelevan pendekatan *sullam al-ta‘allum* ini di dalam pengajian fiqh.

Ciri-Ciri Utama Pendekatan Pengajian “*Sullam al-Ta‘allum*” Dalam Konteks Pengajian Fiqh Syafi'i Di Institusi Pengajian Tinggi : Satu Pandangan Dan Cadangan

Terlebih dahulu ingin dinyatakan di sini bahawa pengajian ilmu-ilmu Syar'i, dan khususnya ilmu fiqh, menurut “pendekatan pengajian peringkat” iaitu bermula dalam ruang lingkupnya yang asas, kemudian disusuli ke tahap yang lebih luas dan akhirnya ke tahap yang paling terperinci lagi mendalam bukanlah suatu pendekatan pembelajaran yang diada-adakan tanpa dokongan dan penjelasan para ulama Islam yang muktabar.

Di dalam kitab tersohor *Iḥyā’ Ulūmuddīn*, Imam Abū Ḥamīd al-Ghazālī menjelaskan bahawa secara umumnya setiap disiplin

⁵ Abdul Aziz Abdul Fattah (t.t.), *Barnāmij ‘Amalī li al-Mutafaqqihin*, (t.t.p.) hh. 38-39.

ilmu daripada ‘ulūm Syar‘īyyah boleh dibahagikan kepada tiga peringkat pengajian iaitu 1] *al-Iqtisār*, 2] *al-Iqtisād* dan yang tertingginya 3] *al-Istiqlās*. *Al-Iqtisār*, jelas beliau, merujuk kepada peringkat pengajian yang asas yang perlu dipelajari oleh setiap Muslim, dan sekiranya ruang umur dan masa mengizinkannya maka bolehlah dia berpindah ke peringkat *al-iqtisād* yang merupakan peringkat pengajian di tahap pertengahan dan sederhana. Dan kemudian sekiranya ruang masa dan umur mengizinkan barulah seseorang itu sewajarnya meneroka ilmu-ilmu Islam pada peringkat *al-istiqlās*, iaitu di tahap tertinggi, terperinci dan bersifat khusus.⁶ Penjelasan Imām al-Ghazalī di sini, menurut pemerhatian penulis, jelas memperlihatkan bahawa pengajian ilmu-ilmu Syar‘ī sememangnya dan sewajarnya berasaskan kepada tahap-tahap perkembangan pengajian yang perlu dilalui oleh seorang penuntut dan inilah prinsip utama yang ditekankan oleh para ulama di dalam pendekatan *sullam al-ta‘alim*.

1. Pendedahan Awal terhadap karya-karya mazhab Syafi‘i yang bersifat *al-Mabsūtāt* dan *al-Mukhtaṣarat*

Adalah suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat banyak karya-karya yang dihasilkan oleh para ulama mazhab Syafi‘i yang dapat dirangkumkan samada dalam kategori *al-Mukhtaṣarat* atau dalam kategori *al-Mabsūtāt*. Antara karya-karya muktabar yang dapat dinyatakan di sini [sebagai misalan] ialah seperti kitab *Minhāj al-Talibīn* karya Imām al-Nawāwī, kitab *al-Wajīz fī al-Mazhab* dan *al-Wasiṭ fī al-Mazhab* karya Imām al-Ghazalī, kitab *al-Muhadhdhab* karya Abū Ishāq al-Syīrāzī dan kitab ‘*Umdah al-Sālik* karya Ibn al-Naqīb.

Sebenarnya pendedahan awal terhadap karya-karya utama tersebut adalah teramat penting bagi para pelajar. Ianya sudah pasti akan dapat dijadikan sebagai “pemandu-arah awal” di dalam mengenali karya-karya muktabar di dalam pengajian fiqh di masa-masa akan datang. Malah menurut penulis, para pelajar seharusnya menghafal nama karya-karya utama fiqh mazhab Syafi‘i.

Antara kepincangan yang masih dapat dilihat di kalangan para pelajar pengajian Islam, menurut pengalaman penulis,

⁶ Al-Ghazali (t.t.), *op.cit.*, h. 55.

ialah kejahanan mereka mengenai kewujudan karya-karya yang dinyatakan itu. Ini bermakna para pelajar hampir tidak berkemampuan untuk menyatakan nama karya-karya utama di dalam mazhab Syafi'i dan kelemahan ini sudah pasti berkaitan dengan pendekatan kita di dalam menyampaikan pengajian fiqh Syafi'i kepada para pelajar.

2. Pemilihan yang teliti satu karya *Mukhtaṣar* [atau yang ditahap *al-Iqtisā'* menurut bahasa yang digunakan oleh Imam al-Ghazālī] yang perlu dipelajari dalam tahun pertama dan kedua

Peringkat kedua ini merupakan peringkat yang teramat penting dalam proses pembinaan dan pemantapan pengajian fiqh Syafi'i di kalangan para pelajar. Untuk melahirkan para faqih di masa akan datang, para pelajar sewajarnya diasuh, bukan sahaja dengan memperkenalkan nama-nama karya-karya muktabar fiqh Syafi'i tersebut, tetapi juga dengan membaca, melihat, meneliti dan mengkaji isu kandungan salah satu daripada karya-karya agung tersebut. Pada hakikat dan realitinya, inilah pendekatan pembelajaran yang ditempoh oleh para ulama tersohor yang lampau.

Dalam konteks pengajian fiqh Syafi'i di Malaysia, mungkin antara karya agung yang boleh penulis cadangkan di sini ialah kitab *al-Muhaḍhdhab* karya Imām al-Syīrāzī. Dalam konteks ini juga, ekoran daripada keterbatasan tempoh pengajian yang wujud, seseorang pensyarah mungkin dapat memilih baba-bab tertentu ataupun fasal-fasal tertentu yang perlu ditelaah dan diperhalusi bersama para pelajar dalam tempoh dua tahun tersebut.

3. Pemilihan yang teliti satu karya *al-Mabsūtāt* [atau yang ditahap *al-istiqṣār* menurut bahasa yang digunakan oleh Imam al-Ghazālī] yang perlu dipelajari dalam tahun yang ketiga dan keempat

Sebagai mana yang dinyatakan di atas, dalam proses pembinaan dan pemantapan keilmuan fiqh para pelajar, mereka wajib, bukan sahaja didedahkan dengan nama karya-karya tersohor mazhab

Syafi'i, tetapi juga didedahkan melalui pendekatan mempelajari, menyelidiki dan mengkaji karya-karya tersebut dalam ruang lingkup masa dan tempoh pengajian yang wujud untuk mereka. Dalam konteks *karya al-Mabsūtāt* di sini, mungkin antara karya agung yang cukup sesuai dicadangkan di sini ialah seperti kitab *al-Majmū' Syarḥ al-Muhadhdhab* karya Imām al-Nawāwi ataupun kitab *al-Mughnī* karya Imām Ibn Qudāmah al-Maqdīsī.

Sebenarnya kedua-dua karya yang penulis nyatakan itu lebih merupakan karya fiqh muktabar yang bersifat *al-fiqh al-muqārin*. Di sinilah, pada hemat penulis, terletaknya kelebihan dan keunggulan karya-karya tersohor tersebut kerana para pelajar bukan sahaja dapat mempelajari fiqh mazhab Syafi'i, malah merangkumi hukum-hakam fiqh di dalam mazhab yang lain. Sesungguhnya pendekatan seumpama ini merupakan suatu proses pembelajaran yang amat penting dalam pembinaan dan pemantapan *malakah fiqhīyyah* di dalam diri para pelajar.

Mengapa Pemilihan Beserta Penelaahan “Karya-Karya Fiqh Tersohor” Suatu Keperluan Besar Dalam Pemantapan Pengajian Fiqh Syafi'i

Suatu perkara yang perlu disedari dan diinsafi oleh kita ialah karya-karya fiqh tersohor mazhab Syafi'i,⁷ seperti yang dinyatakan di atas, yang kebiasaananya diistilahkan oleh para ilmuwan Islam sebagai karya-karya muktabar atau karya *turāth* merupakan karya-karya fiqh yang mempunyai nilai-nilai ilmiah dan akademik yang tinggi dalam konteks penulisan ilmu fiqh itu sendiri.

Pada pendapat penulis, mungkin secara ringkasnya antara kepentingan, kelebihan dan keutamaan yang bakal diperolehi oleh para pelajar apabila mereka menelaah dan mengkaji karya-karya tersohor tersebut :

1. Mereka akan dapat mempelajari istilah-istilah dan ungkapan-ungkapan fiqh [*muṣṭalahāt fiqhīyyah*] yang kerap digunakan di dalam karya-karya tersohor dalam konteksnya yang sebenar, seperti ungkapan *awjūh*, *fi al-ashāḥī*, *al-ashāḥū al-mansūṣ*, *al-aqwāl*, *al-awjūh*, *al-masyhūr*, *al-ashāb*, *al-naṣ*,

⁷ Dan juga mazhab-mazhab lain yang muktabar

al-sahīh dan lain-lain. Sesuatu yang tidak dapat dinafikan ialah setiap ungkapan-ungkapan fiqh yang dinyatakan di atas mempunyai maksudnya yang tersendiri, yang perlu difahami apabila membaca karya-karya muktabar fiqh. Bagaimana mungkin para pelajar akan dapat memahami istilah-istilah tersebut seandainya mereka tidak didedahkan di peringkat pengajian tinggi sedangkan rujukan-rujukan karya fiqh muktabar tersebut merupakan “*primary source*” [rujukan utama] di dalam penulisan-penulisan ilmiah peringkat sarjana dan doktor falsafah pada hari ini. Sesungguhnya inilah suatu persoalan yang tidak boleh dipandang enteng dan remeh seandainya kita benar-benar ikhlas ingin memantapkan “kualiti” pengajian fiqh di peringkat universiti.

2. Mereka akan dapat mempelajari serta mengembangkan pelbagai perbendaharaan kata Arab yang mempunyai perkaitan yang langsung dengan perbahasan-perbahasan fiqh. Sebagai misalan, apabila para pelajar membaca bab yang berkaitan dengan pakaian yang harus dipakai oleh seorang lelaki maka mereka akan menemui lafaz-lafaz seperti *al-dibāj*, *al-harīr*; *al-ibrīsam*, *al-khas*⁸ dan seumpamanya. Misalan yang lain, di dalam mempelajari bab *waktu-waktu sembahyang fardu* mereka akan menemui lafaz-lafaz seperti *qurs al-syams*, *al-saharā*, *al-‘umran*, *qulalū al-jibāl*, *maghīb al-syafaq* dan sebagainya.⁹ Ringkasnya, setiap bab daripada bab-bab ilmu fiqh memiliki pelbagai perbendaharaan kata Arab yang perlu dipelajari dan difahami oleh para pelajar. Justeru, pengkajian karya-karya *turāth* merupakan suatu proses pembelajaran fiqh yang tidak dapat dikesampingkan sama sekali.

Walaupun kita kini hidup di tahun masih 2007 dan karya-karya tersebut mungkin telah ditulis sekitar 700 atau 800 tahun yang lalu namun apakah mungkin kita boleh mendakwa bahawa lafaz-lafaz Arab yang terpakai di dalam khazanah-khazanah berharga tersebut sudah lapuk ditelan zaman dan tidak relevan lagi dalam konteks penggunaan bahasa zaman ini? Apakah mungkin seseorang pensyarah itu akan dapat menghasilkan sebuah tesis PhD yang sah, berkualiti lagi

⁸ Abū Ishāq al-Syīrāzī (t.t.), *al-Muhadhdhab*, j. 1. (t.t.p.) h. 353.

⁹ Al-Nawāwī (t.t.), *Rawdah al-Tālibīn*, j. 1. (t.t.p.) h. 290.

bermutu sekiranya tugasannya “literature review”nya [pengkajiannya dan pemerhatiannya terhadap kajian-kajian yang lalu] tidak dapat dilaksanakan dengan baik?

3. Mereka akan dapat melihat dan mempelajari pelbagai hadis-hadis Nabi SAW yang berkaitan secara langsung dengan isu-isu hukum-hakam fiqh. Ini adalah antara keistimewaan besar apabila membaca karya-karya yang termasuk dalam kategori *al-Mabsūt* seperti kitab *al-Majmū‘* karya al-Nawāwī. Sebagai misalan, kitab *al-Muhadhdhab* karya al-Syīrāzī adalah antara kitab yang sentiasa menyatakan dalil-dalil hukum yang menjadi sandaran di dalam persoalan-persoalan fiqh mazhab Syafi‘i. Dengan mengkaji dan menelaah kitab tersebut secara tidak langsung para pelajar, bukan sahaja akan dapat mengenal-pasti dan mungkin menghafal pelbagai hadis-hadis hukum, malah akan dapat juga meneliti dan mengkaji bentuk dan pendekatan *al-istidlāl* [kaedah-kaedah berhujah berdasarkan naş] yang dikemukakan oleh para ulama dalam penetapan pelbagai hukum-hakam fiqh. Latihan akademik seumpama ini sudah pasti akan dapat memantapkan kematangan diri para pelajar dalam memahami jalan-jalan penghujahan yang digunakan dalam pembinaan ilmu fiqh dan, secara tidak langsung juga, boleh mempertingkatkan kemahiran untuk berijihad.
4. Mereka akan dapat mempelajari pendekatan “penghujahan secara akal” [*al-adillah al-‘aqliyyah*] yang kerap digunakan oleh para ulama di dalam memperkuatkan pelbagai hukum-hakam fiqh. Adalah sesuatu yang nyata bahawa penggunaan hujah dan dalihan secara akal dan logik ini dapat dilihat dengan banyak di dalam perbahasan-perbahasan fiqh, antaranya di dalam kitab *al-Mughnī* karya Imām Ibn Qudāmah. Tidak dapat dinafikan bahawa pendedahan-pendedahan akademik seumpama inilah adalah terlalu penting dalam konteks pembelajaran ilmu fiqh. Secara tidak langsung pembelajaran seperti ini pastinya akan dapat mempertingkatkan *malakah fiqhiyyah* di dalam diri para pelajar pengajian fiqh.
5. Dengan memperhalusi dan menerokai karya-karya fiqh yang muktabar, para pelajar akan dapat mengenal-pasti *isu-isu fiqh utama yang tidak wajar dikesampingkan* yang

berkaitan dengan bab-bab hukum-hakam fiqh yang mereka sedang pelajari. Jika kita meneliti karya-karya fiqh yang muktabar kita akan mendapati bagaimana para fuqaha sering membezakan antara satu isu utama dengan satu isu yang lain, di dalam bab yang sama, dengan menggunakan ungkapan seperti “*far'un*” ataupun “*faslun*”. Tidak dapat dinafikan bahawa apa yang dilakukan oleh para fuqaha' di sini adalah bertujuan untuk menjelaskan serta mengenangkan *isu-isu utama* yang berkaitan dengan bab yang sedang diperbincangkan. Sebenarnya penelitian terhadap isu-isu utama yang dipisahkan dengan ungkapan “*faslun*” adalah terlalu penting diteliti. Ini adalah bagi memungkinkan setiap pembaca karya tersebut tidak akan “terlepas pandang” terhadap permasalahan-permasalah fiqh utama yang berkaitan dengan bab yang sedang dibaca.

RUMUSAN

Proses pembinaan dan pemantapan pengajian fiqh Syafi'i di peringkat institusi pengajian tinggi seharusnya bermula melalui suatu pendekatan pengajian fiqh yang diungkapkan sebagai *sullam al-ta'allum*, namun pendekatan ini sewajarnya disesuaikan dengan ruang masa dan tempoh pengajian yang wujud di kalangan para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi. Menurut penulis, prinsip-prinsip utama dalam pemantapan dan pengukuhan pengajian fiqh seharusnya melibatkan penelitian yang menyeluruh terhadap karya-karya tersohor fiqh mazhab Syafi'i dan disusuli dengan pemilihan karya-karya tertentu, yang dilihat paling sesuai dan terbaik, yang bakal dijadikan teks pengajian dan kajian di kalangan para penuntut ilmu. Pendekatan pengajian seumpama ini adalah terlalu penting khususnya bagi mempastikan kesinambungan kewujudan ilmuwan-ilmuwan Islam dan para fuqaha tanah air yang mampu memahami serta menerokai permasalahan-permasalah fiqh mazhab Syafi'i melalui sumber-sumbernya yang muktamad lagi berautoriti. Inilah di antara usaha-usaha utama yang diperlukan bagi menjamin keutuhan dan kesinambungan mazhab Syafi'i di Malaysia.

